

Malaysia sentiasa awasi ekstremis

Oleh Rosli Abdul Jalil

RAUB: Kerajaan akan bertindak tegas terhadap sebarang kumpulan bersifat militan dan pelampau yang beroperasi di negara ini kerana ia boleh mengancam keselamatan, kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Perdana Menteri, berkata kerajaan tidak perlu menunggu permohonan secara rasmi daripada mana-mana negara, termasuk negara jiran sebelum bertindak, sebaliknya akan terus membanterasnya.

"Kita tegas dalam hal ini. Jika kita dapat kesan kumpulan Abu Sayyaf atau apa jua jenis kumpulan bersifat militan atau ekstremis, kita akan bertindak dalam bentuk 'pre-emptive'

(pencegahan awal).

"Kita tidak perlu menunggu permohonan rasmi, kerana jika kita tahu ada, kita akan cekup," katanya pada sidang media selepas menghadiri Majlis Mesra PIBG Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina), Cheroh, Cheroh dekat sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas permintaan Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo yang mahu negara jiran menahan militan di selatan negara itu yang diburu tentera Filipina dalam usaha membantu rantau Asia Tenggara bebas daripada penganas.

Arroyo tidak menyatakan secara khusus negara terbabit tetapi Filipina bersetempatan dengan Indonesia dan Malaysia.

BH- 26/11/2007

Mengenai kehairahan rakyat negara ini terus berkunjung ke Selatan Thailand, Najib berkata, kerajaan sudah banyak memberi nasihat kepada rakyat berikutan keadaan di negara itu yang tidak begitu tenteram.

"Kerajaan tidak dapat memberikan jaminan keselamatan jika mereka masih ingin ke sana untuk melancong atau menyeberang ke kawasan Selatan Thailand.

"Nasihat saya kepada rakyat Malaysia, berfikirilah terlebih dulu sebelum pergi ke kawasan terbabit, melainkan mereka hendak pergi ke kawasan yang tidak ada pergolakan, mungkin lebih selamat," katanya.

Sementara itu katanya, kerajaan belum memutuskan jumlah bantuan yang akan diberikan kepada setiap

mangsa banjir.

Katanya, Jawatankuasa Banjir Pusat yang akan bermesyuarat Isnin depan akan membuat beberapa keputusan penting berhubung jumlah dan kaedah wang ehsan yang akan diberikan kepada mangsa banjir.

Diminta mengulas mengenai amaran gelombang ketiga banjir diramalkan berlaku Jabatan Kaji Cuaca, Najib berkata, jentera bilik gerakan banjir sudah bersiap sedia selepas dua kali banjir melanda Johor.

"Banjir ketiga, jika berlaku, kita kena beri amaran, tetapi tidak semestinya perkara ini menjadi kenyataan. Sebaliknya, jika tidak beramaran dan sesuatu berlaku, orang ramai akan berada dalam keadaan cemas," katanya.